

Senyum Adalah Sedekah

Daripada Abu Zar al-Ghifari RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَبَسُّمُكَ فِي وَجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ، وَأَمْرُكَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيُكَ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ،
وَأَرْشَادُكَ الرَّجُلَ فِي أَرْضِ الضَّلَالِ لَكَ صَدَقَةٌ، وَإِمَاطَتُكَ الْحَجَرَ وَالشَّوْكَ وَالْعَظْمَ
عَنِ الطَّرِيقِ لَكَ صَدَقَةٌ

Maksudnya: “Kamu senyum kepada saudaramu adalah sedekah, kamu melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar adalah sedekah, kamu menunjuk seseorang yang sesat adalah sedekah dan kamu membuang batu, duri dan tulang dari jalan adalah sedekah.”

Riwayat al-Bukhari di dalam kitab *al-Adab al-Mufrad*, no (894), al-Tirmizi dalam *al-Sunan* (4/339-340) no (1961)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini mengajar kita supaya berakhlak dan beradab dengan akhlak yang baik terhadap sesama manusia. Apatah lagi yang menjadi tetamu kita atau orang yang berurusan dengan kita. Sifat seperti senyum boleh meramaikan sahabat dan mengurangkan musuh.
2. Senyum boleh mengakibatkan manusia merasa harmoni dan aman tanpa gundah dan takut. Ia merupakan penawar yang mujarab dalam menyelesaikan kemelut hubungan manusia. Betapa besar dan luasnya pahala Allah SWT sehingga senyum dianggap sebagai sedekah.
3. Betapa hebatnya senyum, ia boleh menenangkan jiwa seseorang, membanyakkan rakan dan mengurangkan musuh.

4. Dalam hadis ini juga menggalakkan supaya kita mengamalkan amar makruf dan nahi munkar yang termasuk dalam perbuatan yang baik.
5. Begitu juga saranan supaya membantu sesama manusia, lebih-lebih lagi orang yang sesat agar sentiasa diberi perhatian dan mendapat keselamatan serta kebahagiaan bagi semua anggota masyarakat.
6. Walaupun membuang duri, paku di tengah jalan dianggap paling remeh, tetapi itulah penting dalam melancarkan perjalanan hidup tanpa sebarang musibah dan gangguan. Betapa indahnya akhlak Islam.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Senyuman adalah kekuatan sihir yang dihalalkan, adalah wang muka yang dibayarkan untuk cinta dan pernyataan hubungan pertemanan, adalah satu misi yang diturunkan di dunia untuk perdamaian dan cinta kasih, dan adalah sedekah wajib yang menunjukkan bahawa orang yang mengeluarkannya, dengan itu menyatakan keredaannya, ketenangan jiwanya dan keteguhan hatinya.
- ❖ **Pujangga berkata:** Senyum itu adalah kunci kebahagiaan, cinta adalah pintunya, kegembiraan adalah taman bunganya, iman adalah cahayanya dan keamanan adalah temboknya.

Kisah Teladan

Terdapat satu cerita yang diriwayatkan dari salah satu sahabat besar iaitu Syeikh Abu Said al-Khudri RA beliau berkata:

Suatu masa ketika berada di Mekah, aku melalui pintu Bani Syaibah dan kulihat ada seorang pemuda yang manis wajahnya, tetapi dia terbaring di atas tanah. Aku pegang badannya dan aku dapati dia sudah meninggal dunia, tetapi dia senyum. Aku hairan bagaimana orang yang sudah mati boleh tersenyum.

Kemudian terdengar dia memanggil namaku: Hai Abu Said adakah engkau

hairan terhadap aku yang sudah mati namun boleh tersenyum! Tidakkah engkau tahu bahawa wali-wali Allah itu sentiasa hidup di sisi-Nya. Kalaulah mereka matipun, maka sebenarnya mereka itu sedang dipindahkan dari satu dunia ke dunia yang lain.

Aku mendengar suara itu itu sangat terang dan jelas. Aku sangat hairan. Kemudian aku pun menguruskan mayat sehingga mayat itu dikuburkan sedangkan fikiranku masih terus menerus tertumpu kepadanya.

Itulah kisah yang cukup pelik berlaku kepada wali Allah yang sentiasa memelihara hubungan dengan-Nya. Semoga Allah SWT kurniakan kita taufik dan hidayah dalam mentaati-Nya dan mencari keredaan-Nya. Amin.

